

Bahagia menghadapi ujian Allah

48 26.3.2014 B3



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton.mohamad@yahoo.com

PADA ketika ini negara Malaysia dikejutkan dengan kehilangan pesawat MAS MH 370. Kehilangan pesawat ini membuka ruang yang baru untuk melihat keberkesanan dan kecanggihan alat untuk mencari dan mengesan dimana pesawat itu. Oleh itu, memerlukan banyak komitmen dan kerjasama daripada pelbagai negara dan sepatutnya sebagai rakyat Malaysia wajib beryukur kerana sejurus ditimpakannya musibah itu, lebih 26 negara di dunia turut serta menawarkan bantuan untuk mengesan dan mencari pesawat itu. Hal ini tidak pernah berlaku kepada negara-negara yang lain di dunia.

Sebagai warganegara Malaysia yang prihatin adalah wajar menghulurkan bantuan dalam mententeramkan emosi dan memberikan kekuatan kepada ahli keluarga mangsa kejadian tanpa memikirkan sentimen agama. Oleh itu, sejurus dimaklumkan kehilangan pesawat itu pebagai reaksi diterima. Namun yang pastinya perasaan berduka-cita bukan sahaja dalam kalangan ahli keluarga mangsa tragedi sebaliknya turut dirasai oleh masyarakat dunia. Oleh sebab itu, hampir seluruh dunia berdoa dan memohon

petunjuk daripada Illahi untuk memudahkan pencarian berkenaan. Hampir setiap hari solat hajat diadakan di negara kita oleh masyarakat beragama Islam. Namun kegundahan dan kesedihan emosi tetap bersarang di hati ahli keluarga mangsa.

Adalah terlalu sukar untuk semua ahli keluarga menerima berita itu. Hal ini disebabkan kehilangan orang disayangi merupakan bebanan psikologi yang berpanjangan. Namun begitu sebagai seorang yang beragama Islam wajib redha dan insaf bahawa musibah itu merupakan ujian yang ditentukan untuk hambanya yang bersedia, cuma sebagai insan biasa tidak ada keupayaan untuk memahaminya dengan lebih mudah. Hinggakan terlupa suatu hakikat bahawa orang yang diuji oleh Allah itu adalah hamba-hambaNya yang Dia sayangi. Firman Allah dalam Surah Ali Imran: 139 yang bermaksud, "Dan janganlah kamu merasa lemah, dan jangan pula kamu bersedih hati, sebab kamu paling tinggi derajatnya, jika kamu orang yang beriman." .

Oleh sebab itu sesungguhnya sokongan sosial daripada pelbagai pihak amat diperlukan untuk menghilangkan perasaan sedih dan kesal di atas kehilangan orang yang disayangi. Adalah amat perit apabila memikirkan kejadian berkenaan kepada ahli keluarga mangsa kerana pusara di lautan tidak pernah terlintas di fikiran mereka.

Justeru itu sokongan emosi amat diperlukan dalam meneruskan kelangsungan hidup ahli keluarga mangsa.

Sebagai seorang yang diberikan ujian oleh Allah harus menginsafi bahawa kehadiran manusia di dunia bukan untuk selama-lamanya kerana sampai saat dan ketika kepada Allah jua kita akan kembali. Namun ahli keluarga mangsanya seharusnya bersyukur kerana kehilangan orang yang disayangi menyebabkan seluruh dunia mendoakan kesejahteraan yang abadi dan menandakan mereka amat di sayangi Ilahi kerana dipilih untuk menerima doa daripada jutaan manusia. Justeru itu, di sebalik dugaan ini amat besar ertinya kepada pencinta Illahi. Oleh yang demikian kesabaran dan ketabahan akan muncul tatkala keredhaan ada di dalam diri setiap ahli keluarga. Kehilangan orang yang disayangi hanya berlaku pada jasadnya sahaja, sebaliknya mereka tetap ada dalam hati dan sanubari malahan akan sentiasa dekat di hati sekiranya doa dan berserahkan diri kepada Allah selalu. Justeru itu usaplah airmatamu dan berserahlah jiwa dan ragamu kepada Allah, sesungguhnya Dia amat mengerti apa yang baik untuk kelangsungan hidup anda di dunia ini. Salam takziah untuk semua ahli keluarga anak kapal dan penumpang MH370. Al fatihah.

*Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP UMS